

## MATLAMAT AKHIR PELAKU POLITIK ISLAM: ANALISIS KONSEPTUAL BERASASKAN HADITH-HADITH PILIHAN<sup>1</sup>

Kamarul Ariffin Ithnan<sup>2</sup>

Mohd Syakir Mohd Rosdi<sup>3</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 Pulau Pinang.

E-mail: [ithos\\_member@yahoo.com](mailto:ithos_member@yahoo.com) & [mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com](mailto:mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com)  
Tel: +601123619786 Faxs: +6043991119

### ABSTRAK

Kertas kerja ini dilakukan untuk meneliti matlamat akhir pelaku politik Islam berdasarkan Hadith-hadith pilihan Rasulullah SAW. Matlamat akhir yang benar dari sudut Islam harus diteliti disebabkan muncul pelbagai kehendak dalam berpolitik. Ada yang berkehendakkan menang dalam pilihanraya, ada yang berkehendakkan populariti dan ada yang berkehendakkan banyak pengikut. Kehendak-kehendak ini telah membentuk matlamat yang tidak selari dengan matlamat akhir pelaku politik Islam dari perspektif Islam. Persoalannya, apakah matlamat akhir tersebut? Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mengumpulkan data sekunder, manakala analisis *mawdu'iy* digunakan untuk menganalisis data-data tersebut. Hasilnya, kertas kerja ini mendapati matlamat akhir pelaku politik Islam adalah untuk mencapai *mardat Allah* (keredaan Allah SWT).

Kata kunci: Matlamat Akhir, Pelaku Politik Islam, Analisis Konseptual, Hadith-hadith Terpilih

### PENDAHULUAN

Kejayaan dalam sesebuah perjuangan politik Islam bergantung kepada matlamat pelaku politiknya. Dalam Islam, secara umumnya matlamat dalam perjuangan politik ini ialah untuk mencapai kejayaan hakiki di akhirat kelak. Dengan berasaskan panduan al-Qur'an dan Hadith, matlamat politik Islam ini dibincangkan di bawah bidang *siyasah* Islam. *Siyasah* di sini bermaksud mengurus atau mentadbir sesuatu urusan dan memperbaikinya (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2013). Dari sudut istilahnya, *siyasah* ialah mentadbir urusan negara dan mempunyai ilmu untuk memerintah sesebuah negara (Ramli Awang, 2012: 1).

Selain itu, *siyasah* ialah menjaga urusan umat Islam dengan cara mematuhi syariat Islam. *Siyasah* tidak hanya terhad kepada syarak, tetapi disyaratkan agar tidak menyalahi teks al-Qur'an, sunnah, ijmak dan kaedah-kaedah syara' serta dasar-dasar amnya (Ramli Awang, 2012:1-9).

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di *International Conference on Social, Political, Governmental & Communication Sciences (ICSPGCS)* 2017 anjuran *Faculty of Social and Political Sciences* Universitas Muhammadiyah, Jember, Indonesia pada 3 hingga 6 Mac 2017.

<sup>2</sup> Kamarul Ariffin Ithnan merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

<sup>3</sup> Dr Mohd Syakir Mohd Rosdi merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Gerakan Islam yang berperanan dalam *siyasah* Islam kini bergerak dalam sistem demokrasi untuk menyertai pilihanraya sebagai jalan menyekat kemaraan fahaman atau fikiran keBaratan masuk ke dalam negara Muslim. Keterlibatan gerakan-gerakan Islam yang pelbagai ini memunculkan pelaku-pelaku politik yang pelbagai. Ada dalam kalangan mereka dalam gerakan Islam, tetapi berpolitik secara konvensional. Ada juga yang tidak dalam gerakan Islam, tetapi memperjuangkan Islam dari dalam parti bersifat konvensional.

Masalahnya, sesetengah pelaku politik tidak dapat membezakan antara matlamat dan alat daripada politik. Dalam hal ini, sepatutnya politik hanya alat untuk berdakwah, bukannya politik dijadikan matlamat utama sehingga mengabaikan dakwah Islam. Sebagai pelaku politik Islam, apa sebenarnya matlamat akhir dalam perjuangan politiknya? Adakah untuk menang pilihanraya semata-mata atau pun untuk mengumpulkan penyokong yang ramai bagi menegakkan undang-undang Islam di Negara Muslim tersebut sahaja?

Penelitian dilakukan dalam kertas kerja ini untuk mengenal pasti dan menganalisis matlamat akhir pelaku politik Islam berdasarkan sumber kedua dalam Islam iaitu sumber Hadith. Hadith yang dijadikan tumpuan ialah Hadith-hadith daripada kitab *Sahih al-Bukhariy* sahaja. Pemilihan kitab ini kerana ia merupakan kitab muktabar yang paling sahih daripada kitab-kitab Hadith *Sunan al-Sittat* (enam kitab Hadith muktabar<sup>4</sup>). Untuk mencapai tujuan tersebut, dengan mengumpulkan data sekunder daripada kaedah kepustakaan dan menganalisisnya dengan menggunakan analisis *mawdu'iy*, maka maklumat berkaitannya dibincangkan dalam dua bahagian. Pertama, matlamat akhir pelaku politik Islam; dan kedua, analisis konseptual matlamat akhir pelaku politik Islam berdasarkan Hadith-hadith pilihan.

#### **MATLAMAT AKHIR PELAKU POLITIK ISLAM**

Pelaku politik berperanan besar dalam menggerakkan politik<sup>5</sup> sesebuah negara. Pelaku politik bermaksud tokoh-tokoh dari kalangan pemerintah. Pelaku politik inilah yang akan merangka proses-proses perubahan dalam sesebuah negara melalui saluran politik. Menurut Aristotel pelaku politik boleh disebut sebagai *zoon politicon* atau makhluk yang berpolitik (Dipetik daripada Warjio, 2016: 209).

Ideologi pelaku politik adalah punca utama dalam menentukan matlamat seseorang pelaku politik. Pelaku politik boleh jadi pelaku politik berideologi Islam jika menggunakan sumber-sumber asas Islam untuk berpolitik. Ia juga boleh menjadi pelaku politik berideologi konvensional jika pelakunya berpolitik dengan menggunakan sumber akal semata-mata.

Dalam dunia hari ini, pelbagai jenis pelaku politik yang muncul. Bagi pelaku politik yang dilihat secara Islam, ia antaranya seperti pelaku politik Islam moderate. Menurut Munawir Sjadzali (1993: 115), pelaku politik Islam moderate terbina disebabkan tiga faktor. Pertama, kemunduran dan

---

<sup>4</sup> *Kitab Sahih al-Bukhariy, Sahih al-Muslim, Jami' al-Tirmidhiy, Sunan Abu Dawud, Sunan Ibn al-Majat dan Sunan al-Nasaiy* (Rosmawati Ali, 2005:282-314).

<sup>5</sup> Miriam Budiarjo (1993) mendefinisikan politik sebagai kegiatan yang terjadi dalam suatu negara yang berkait dengan proses menentukan tujuan dan bagaimana cara mencapai tujuan itu. Hoogerwerf, medefinisikan politik sebagai pertarungan kuasa. Hans Morgenthau juga mendefinisikan politik sebagai usaha mencari kekuasaan (struggle power). Senada dengan pendapat Morgenthau, Andrew Heywood (2002) mengatakan politik adalah seni memerintah, kepentingan awam, konsesus, kompromi dan kekuasaan.

kerapuhan dunia Islam yang disebabkan oleh faktor-faktor dalaman. Kedua, serangan Barat terhadap keutuhan kekuasaan politik dan wilayah dunia Islam yang berakhir dengan dominasi atau penjajahan mengakibatkan rosaknya hubungan antara Islam dan Barat. Oleh itu berkembangnya sikap anti Barat dari umat Islam. Ketiga, keunggulan Barat dalam bidang ilmu, teknologi dan organisasi. Mereka yang memiliki pemikiran seperti ini antaranya ialah Jamaluddin al-Afgani, Muhammad Abduh, Ahmad Lutfi Sayyid, Saad Zaghlul, Thaha Husein dan Ali Abd Raziq (Muhammad Azhar, 1996; M. Din Syamsuddin, 2000; Esposito, 1990).

Bagi pelaku politik dakwah pula, mereka menggunakan segala kebijaksanaan untuk berpolitik dengan pendekatan yang tersusun dan berkesan sebagai strategi untuk menyeru manusia mengabdikan diri kepada Allah SWT (Afnan Hamimi Taib Azamudden, 2015). Menurut Afnan Hamimi Taib Azamudden (2015) terdapat empat gerakan politik Islam yang menggunakan pendekatan politik dakwah dalam perjuangan mereka. Pertama, *al-Ikhwan al-Muslimun* di Mesir; kedua, *Jama'at Islami* di Pakistan; ketiga, Parti Islam SeMalaysia (PAS) di Malaysia; dan keempat, Partai Keadilan Sejahtera (PKS) di Indonesia.

Untuk mengenali pelaku politik berasaskan konvensional pula, ia seperti pelaku politik anarkisme, otoritarian, demokrasi, diktatorisme, imperialisme, komunisme dan liberalisme. Bagi pelaku politik anarkisme, mereka berfahaman bahawa tidak ada sebarang kerajaan pusat yang dapat menyelesaikan masalah. Mereka mengutamakan kerajaan tidak berpusat. Pelaku politik otoritarian pula berpandangan kekuasaan atau kawalan mutlak adalah dari sesuatu pemerintah sahaja.

Selain itu, pelaku politik demokrasi pula menjelaskan majlis atau dewan tertinggi adalah pembuat undang-undang yang terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Pelaku politik diktatorisme pula berpandangan perlunya kepada pemerintah yang mempunyai kuasa mutlak. Mereka boleh merampas kuasa tanpa mengikut perlembagaan dan menggunakan secara zalim. Pelaku politik imperialisme pula berfahaman politik boleh digunakan untuk tujuan menjajah negara lain.

Seterusnya, pelaku politik komunisme berfahaman daripada ajaran Marx dan Lenin yang mengkehendaki penguasaan pemerintah kepada rakyat yang membawa kepada kebergantungan rakyat kepada kerajaan, manakala pelaku politik liberalisme berfahaman liberal atau berpendirian mahukan demokrasi secara bebas terutamanya dalam kegiatan ekonomi.

Penjelasan-penjelasan sebelum ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan antara pelaku politik Islam dengan pelaku politik konvensional. Dalam kertas kerja ini, tumpuan tidak dilakukan kepada kedua-dua kumpulan pelaku politik, tetapi hanya memfokuskan pelaku politik Islam dari sudut matlamat akhirnya sahaja.

Menurut Warjio (2016), pelaku politik Islam boleh dikategorikan kepada perseorangan atau berkelompok yang merupakan penggerak kepada sesebuah organisasi parti yang diwakili. Pelaku politik Islam terlibat dalam perencanaan, pembuatan keputusan sehingga kepada peringkat untuk membuat *blue print*. Kejayaan mahu pun keruntuhannya sesebuah parti Islam adalah bergantung kepada pelaku politiknya.

Pelaku politik Islam ini tidak ke mana perjuangannya jika kurangnya kebergantungan kepada Allah SWT. Seperti menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:40), pelaku yang berjaya hanyalah pelaku yang diberi ganjaran syurga oleh Allah SWT di akhirat nanti. Kalau manusia diganjarkan dengan neraka, usaha yang mereka lakukan tidak dikira berjaya walaupun telah mengumpul material dan fizikal dengan banyaknya di alam dunia.

Tambahan pula, menurut Sa'ad al-Kandahlawi (2004), politik yang sebenar adalah dakwah mengajak manusia kepada Allah SWT, bukannya mengajak manusia kepada manusia. Apabila hubungan manusia dengan Allah baik maka keberkatan akan dibuka dari bumi dan langit. Keberkatan yang dimaksudkan di sini seperti hujan dari langit, kesuburan tanam-tanaman di bumi, ekonomi yang mapan, masyarakat yang baik dan pemimpin atau pemerintah yang adil. Hal ini bertepatan dengan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

“Jika sekiranya ahli sesebuah negeri itu beriman serta bertakwa kepada Allah SWT, tentulah kami akan bukakan ke atas mereka keberkatan yang melimpah ruah berkatnya dari langit dan bumi. Namun, mereka mendustakan Rasul kami lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan” (Surah *al-A'rāf*, 7: 96).

Jalaluddin al-Mahalliy (864H) dalam tafsirnya *al-Jalalain* mengatakan *asbab al-nuzul* (sebab diturunkan ayat) ayat ini antara lain adalah merujuk kepada usaha dakwah Nabi SAW kepada kabilah Quraisy. Nabi SAW mengajak mereka untuk beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Setelah berdakwah kepada kabilah Quraisy beliau menyeru pula puak demi puak yang lain sehingga beliau digelar gila dalam usaha dakwah tersebut (Bahrūn Abu Bakar, L.C., 2008:623). Hal ini menunjukkan betapa pentingnya usaha dakwah dilakukan untuk memelihara keimanan dan ketakwaan manusia. Asas utama kejayaan dalam mencari matlamat akhir sesuatu usaha adalah iman dan takwa kepada Allah SWT.

Daripada penjelasan-penjelasan tersebut mempamerkan pelaku politik Islam ini adalah struktur penting untuk memastikan sebuah gerakan politik itu bergerak untuk mengajak manusia kepada Allah SWT dengan menjaga niatnya semata-mata untuk mendapat keredaan Allah SWT. Penggunaan keredaan Allah SWT ini menjelaskan tentang matlamat akhir sebenar bagi pelaku politik Islam.

Hal ini bertepatan dengan sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari r.a:

Daripada 'Umar al-Khattab r.a., Nabi SAW bersabda, “Sesungguhnya setiap amalan itu tergantung pada niatnya dan bagi seseorang adalah apa yang ia niatkan. Barang siapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya. Barang siapa hijrahnya lantaran dunia yang hendak dikehjera atau wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya itu adalah sekadar apa yang ia inginkan” (Riwayat al-Bukhari, No. Hadith: 1).

Daripada Hadith ini, al-'Ainiy (855H:482) mensyarahkan bahawa nilai amalan seseorang di sisi Allah SWT adalah mengikut niat individu tersebut. Jika amalan itu diniatkan untuk keuntungan dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahi maka Allah SWT akan mengganjari mengikut setakat apa yang diniatkan. Oleh itu, Hadith ini jelas menunjukkan niat seseorang pelaku yang ikhlas itu haruslah diletakkan hanya kepada Allah SWT semata. Hadith ini juga menjelaskan bahawa niat membawa matlamat sesuatu ibadah dalam apa sahaja tindakan manusia itu tepat hanya untuk Allah SWT. Hal inilah yang membawa kepada pencapaian penerimaan reda daripada Allah SWT dalam setiap perilaku manusia,

“Dalam sebuah Hadith lain ada diriwayatkan seperti berikut:

Daripada Aisyah r.a., beliau berkata, “Bahawa orang-orang yang memilih barang terbaik sebagai hadiah dari mereka untuk hari pernikahannya dengan tujuan mengharap reda Rasulullah SAW” (Riwayat al-Bukhari, No. Hadith: 2386).


Menurut al-'Asqalaniy (852H:263), beliau mengatakan bahawa pada hari pernikahan Rasulullah SAW dengan 'Aisyah r.a., setiap daripada Sahabat r.a., ingin menyukarkan Rasulullah SAW dengan menghadiahkan sesuatu yang terbaik yang ada pada mereka. Terbaik itu seharusnya dinilai dari sudut keikhlasan memberi dan bukannya dari mahalnya sesebuah harta pemberian tersebut. Hal ini

bersesuaian dengan saranan Muhammad Syukri Salleh (2003) bahawa matlamat sesuatu ibadah itu mestilah tepat iaitu untuk Allah SWT. Matlamat ini haruslah betul dan yang bersifat hakiki di sisi Allah SWT iaitu bukan hanya kerana keuntungan di dunia semata-mata. Hal ini kerana kejayaan yang sebenar adalah diukur di akhirat bukannya di dunia.

Tujuan untuk mencapai keberuntungan di akhirat ini selari dengan tujuan asal penciptaan manusia seperti yang dijelaskan dalam ayat berikut yang bermaksud:

“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku (menyembah-Ku)”  
(Surah al-Zariat, 51: 56).

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam Jalaluddin al-Sayuti mengatakan matlamat Allah SWT menciptakan manusia adalah untuk beribadat kepada-Nya (Bahrun Abu Bakar L.C, 2008:934). Peraturan pelaksanaan ibadah ialah memastikan matlamatnya betul hanya kerana Allah SWT. Hal ini sepatutnya berlaku kepada pelaku politik Islam untuk dijadikan tujuan hakikinya adalah mutlak untuk Allah SWT semata, bukannya bermatlamatkan untuk mendapat kemenangan dalam pilihanraya dan untuk meraih sokongan besar pengundi sahaja. Perkara ini seperti digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Matlamat Akhir Pelaku Politik Islam

Berdasarkan Rajah 1, dipamerkan bahawa seorang pelaku politik Islam itu harus mempunyai hubungan kuat dengan Allah SWT yang disebut sebagai *habl min Allah*. *Habl min Allah* ini diperlukan kerana seseorang pelaku politik Islam akan kuat dengan manusia apabila kuat dia dengan Allah. Sempurna dengan manusia dalam urus tadbir sekiranya urus tadbir dengan Allah itu sempurna. Dari situ akan turunnya barakah dari langit dan bumi seperti yang disebut dalam Surah al-Zariat ayat 56.

Penjelasan-penjelasan sebelum ini mempamerkan pentingnya seorang pelaku politik Islam mempunyai matlamat yang betul. Bagi meneliti matlamat sebenar pelaku politik Islam ini, maka kajian ini mengambilnya daripada sumber kedua Islam iaitu sumber Hadith yang dianalisiskan seperti di bawah.

## Matlamat Akhir Pelaku Politik Islam Berdasarkan Hadith-hadith Pilihan

Perbincangan tentang matlamat akhir<sup>6</sup> dilakukan oleh tokoh-tokoh pemikir Islam. Antara tokoh-tokoh pemikir tersebut ialah Khurshid Ahmad (1994), Hussin Salamon (2009), Nik Mustapha Nik Hassan (2014), M. Umer Capra (1995), al-Zuhayliy (1991) dan al-Syawkaniy (1993), Muhammad Syukri Salleh (2003), Sidek Baba (2006), Yusuf al-Qaradawiy (1996) dan Asyraf Wajdi Dusuki (2013), M. Umer Chapra (2007), Mohd Syukri Hanapi (2013) dan Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995). Hasil rumusan perbincangan yang dilakukan oleh mereka, maka matlamat akhir hamba Allah boleh dikaitkan dengan *al-falah* (kejayaan), *mardat Allah* (keredaan Allah), *al-fawz* (kemenangan) dan *al-sa'adat* (kebahagiaan). Pendapat mereka ini dapat dibahagikan kepada dua kelompok yang dominan iaitu pendapat yang mengatakan *al-falah* dan pendapat yang mengatakan *mardat Allah* sebagai matlamat akhir (Kamarul Ariffin Ithnan, 2015).

Untuk mengesahkan matlamat akhir yang sebenar bagi seorang pelaku politik Islam, ia boleh diteliti dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudriy r.a.. Hadith ini membawa penyelidik menyedari bahawa antara *al-falah* dan *mardat Allah* matlamat akhir hakiki bagi seorang pelaku adalah *mardat Allah*. Hadith ini disabdarkan oleh Rasulullah SAW seperti berikut yang bermaksud:

“Allah berfirman kepada penghuni syurga: ‘Wahai penghuni syurga!. Penghuni syurga menjawab: ‘Baik, kami penuhi panggilan-Mu’. Allah berfirman: ‘Telah puaskah kalian?’. Mereka menjawab: ‘Bagaimana mungkin kami tidak puas, sedangkan Engkau telah memberi kepada kami sesuatu yang belum pernah Engkau berikan kepada seorang pun daripada makhluk-Mu’. Maka Allah berfirman: ‘Sekarang Aku berikan kepada kamu segala sesuatu yang lebih utama daripada itu’. Kemudian penghuni syurga bertanya: ‘Ya Allah! Apa yang lebih utama daripada semua itu?’. Allah berfirman: ‘Aku halalkan keredaan-Ku untuk kamu semua dan Aku tidak memurkai kamu semua buat selama-lamanya’ (Riwayat *al-Tirmidhiy*, No. Hadith: 31).

Pemilihan *mardat Allah* sebagai matlamat akhir yang hakiki ini ialah disebabkan penjelasan Hadith di atas mempamerkan seorang hamba yang telah dikurniakan syurga. Kejayaan mendapatkan syurga adalah termasuk dalam matlamat *al-falah*. Walaupun begitu, masih disebut oleh Allah SWT untuk memberikan yang lebih utama daripada itu iaitu keredaan-Nya. Makanya di sini, keredaan Allah

<sup>6</sup> Matlamat akhir dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-ghayat al-'aliyyat*. *Al-ghayat* dalam Bahasa Melayu bermaksud bendera (Ahmad Warson Munawwar, 1984:968). Dalam Kamus Arab *Al-Munjid fi al-Lughat* (1973:564), *al-ghayat* memberi maksud tujuan, matlamat dan sasaran. Manakala *al-'aliyyat* pula membawa maksud ketinggian (Ahmad Warson Munawwar, 1984:1028). Maksud *al-ghayat al-'aliyyat* jika digandingkan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu adalah matlamat tertinggi atau matlamat akhir. Definisi matlamat menurut Latham dan Locke (2006) ialah:

“Satu tahap pencapaian yang diinginkan dalam satu jangka masa yang ditetapkan” (Latham & Locke, 2006).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008) matlamat akhir dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *ultimate objective*. M. Umer Chapra (2007), mengertikan matlamat akhir dalam bahasa Inggeris sebagai ultimate goal (matlamat utama). Menurut Kamus Inggeris Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (1992:1778), *ultimate* bermaksud terakhir, muktamad, utama, asasi, sebesar-besarnya dan paling manakala *objective* bermaksud objektif, benar, matlamat dan tujuan (Kamus Inggeris Melayu DBP, 1992:1045). *Ultimate objective* atau *ultimate goal* dalam bahasa Melayu diertikan sebagai matlamat akhir atau tujuan utama. Matlamat ialah sesuatu yang hendak dicapai, manakala objektif ialah sesuatu yang khusus yang ingin dicapai. Namun begitu kedua-duanya mempunyai maksud yang sama (Kamus Dewan, 2010:1009).

SWT (*mardat Allah*) adalah satu anugerah yang tertinggi yang tiada apa-apa lagi anugerah daripada Allah SWT yang akan diberikan lagi selepas itu.

Daripada penjelasan-penjelasan tersebut, maka dapat dikenal pasti bahawa matlamat akhir pelaku politik Islam yang boleh digariskan ialah *mardat Allah*. Untuk itu, Hadith-hadith yang dipilih juga adalah berkaitan *mardat Allah* sahaja. Untuk mendapati Hadith-hadith yang jelas menunjukkan istilah *mardat Allah* agak sukar, maka dua tema yang berkaitan *mardat Allah* dipilih iaitu *al-Hadfi* (tujuan) dan *al-Niyyat* (niat). Kedua-dua tema ini sesuai dengan maksud *al-Hadfi* dan *al-Niyyat* yang boleh didefinisikan sebagai matlamat. Perbincangan mengenai tujuan dan niat ini ada dibincangkan juga di bahagian pertama iaitu Bahagian Matlamat Akhir Pelaku Politik Islam.

Dua tema ini dijadikan populasi Hadith berkaitan *mardat Allah*. Pemilihan sampel yang sesuai dilakukan berdasarkan populasi Hadith yang telah dikenal pasti dengan menggunakan kaedah *al-Hadith al-Mawdu'i*<sup>7</sup>.

Berdasarkan Jadual 1, setakat yang ditemui terdapat 31 buah Hadith dalam Kitab *Sahih al-Bukhari* berdasarkan tema yang pertama iaitu *al-Hadfi* (tujuan). Kesemua Hadith tersebut terkandung dalam beberapa Bab<sup>8</sup> yang berlainan. Hadith yang dimaksudkan ialah Hadith yang bernombor 4418, 6676, 6677, 6373, 294, 477, 946, 1185, 1186, 1233, 1489, 1584, 1709, 1720, 2065, 2529, 2574, 2593, 2669, 2670, 3078, 3079, 5668, 6673, 7510, 6956, 7183, 7184, 3990, 3991, 2623, 3039, 3343, 3344, 3401, 6601, 6718, 6719 dan 7022.

Selain itu, bagi tema yang kedua iaitu *al-Niyyat*, penulis mendapati terdapat 39 buah Hadith. Hadith-hadith yang mempunyai tema *al-Niyyat* (niat) ini terangkum dalam Bab-bab<sup>9</sup> yang tertentu. Hadith-hadith tersebut ialah yang bernombor, 7230, 1515, 54, 1691, 1692, 4307, 4308, 3898, 1570, 3189, 1703, 55, 3077, 5070, 1514, 2529, 4016, 4017, 5351, 7452, 2783, 6689, 1563, 2825, 1, 2505, 2506, 4353, 4354, 6959, 6463, 3900, 6074, 2637, 7163, 7164, 4395, 1551, 1422, 3832, 1564, 2118, 1295, 6957, 6958, 6721, 4409, 1651, 1785 dan 6830. Untuk gambaran yang lebih jelas, Jadual 1 menunjukkan secara ringkas kedudukan Hadith-hadith matlamat akhir pelaku politik Islam dalam Kitab *Sahih al-Bukhari*.

---

<sup>7</sup> Menurut ahli bahasa, *al-Mawdu'* bermaksud satu perkataan yang dilontarkan oleh penulis atau pelaku percakapan (al-Syarman, 2010). Dari sisi yang lain pula perkataan *al-Hadith al-Mawdu'* diertikan sebagai satu rekaan semata-mata atau palsu. Oleh itu dalam ilmu Hadith perkataan *al-Hadith al-Mawdu'* bermaksud sebuah Hadith palsu atau yang direka-reka (Ahmad 'Aliy 'Abd al-Rahim, 2007: 174-175). Bagi kajian ini, *mawdu'i* yang dimaksudkan adalah suatu perbahasan ilmiah bagi sesuatu tajuk dan tema daripada Hadith-hadith yang boleh diterima pakai dengan bertujuan sampai kepada petunjuk pelaksanaan praktikal (al-Syarman, 2010). Kaedah *mawdu'i* ini turut dikenali sebagai kaedah tematik. Ia merupakan satu kaedah yang diadaptasi daripada kaedah *al-Tafsir al-Mawdu'i*. Kaedah *mawdu'i* digunakan untuk menganalisis sesuatu teks yang mempunyai beberapa tema di dalamnya, sama ada tema utama atau tema sampingan (Mohd Shukri Hanapi, 2012).

<sup>8</sup> 31 buah Hadith dalam Kitab *Sahih al-Bukhari* berdasarkan tema yang pertama iaitu *al-Hadfi* (tujuan) ditemui dalam Bab-bab yang berlainan iaitu Bab peperangan, sumpah dan nazar, doa (hindar dari wabak penyakit), haid, solat, Jumaat, zakat, haji, jual beli, membebaskan hamba, *hibbat* (keutamaan dan anjuran melakukannya), *hibbat* (menerima hadiah), persaksian (sumpah orang-orang yang dituduh), jihad dan penjajahan, sakit (tinggalkan harta sepertiga untuk keluarga), sumpah dan nazar, tauhid, siasat (mencari bukti), hukum-hukum, peperangan, Hadith-hadith tentang Nabi-nabi a.s, qadar, *kifarat* sumpah, *ta'bir al-ru'ya* (tafsir mimpi).

<sup>9</sup> 39 buah Hadith daripada tema *al-Niyyat* (niat) diambil daripada Bab peperangan, pengharapan, sumpah dan nazar, doa (hindar dari wabak penyakit), haid, solat, Jumaat, zakat, haji, jual beli, membebaskan hamba, *nafkah*, *hibbat* (keutamaan dan anjuran melakukannya), *hibbat* (menerima hadiah), persaksian (sumpah orang-orang yang dituduh), jihad dan penjajahan, sakit (tinggalkan harta sepertiga untuk keluarga), pekerti terpuji, sumpah dan nazar, tauhid, siasat (mencari bukti), hukum-hukum, peperangan, *jizyah*, Hadith-hadith tentang Nabi-nabi a.s, qadar, *kifarat* sumpah, *ta'bir* (tafsir mimpi), hudud.

**Jadual 1: Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pelaku Politik Islam Dalam Kitab *Sahih al-Bukhariy* Berdasarkan Tema *Al-Hadfi* dan *Al-Niyyat*.**

| Bil | Tema                        | No. Hadith  | No. Bab/Kitab  |
|-----|-----------------------------|---|--|
| 1   | <i>Al-Hadfi</i><br>(tujuan) | 4418, 6676, 6677, 6373, 294, 477, 946, 1185, 1186, 1233, 1489, 1584, 1709, 1720, 2065, 2529, 2574, 2593, 2669, 267, 3078, 3079, 5668, 6673, 7510, 6956, 7183, 7184, 3990, 3991, 2623, 3039, 3343, 3344, 3401, 6601, 6718, 6719, 7022  | 68, 90, 23, 29, 36, 43, 45, 50, 55, 57, 59, 80, 90, 97, 94, 64, 90, 93   |
| 2   | <i>Al-Niyyat</i><br>(niat)  | 7230, 1515, 54, 1691, 1692, 4307, 4308, 3898, 1570, 3189, 1703, 55, 3077, 5070, 1514, 2529, 4016, 4017, 5351, 7452, 2783, 6689, 1563, 2825, 1, 2505, 2506, 4353, 4354, 6959, 6463, 3900, 6074, 2637, 7163, 7164, 4395, 1551, 1422, 3832, 1564, 2118, 1295, 6957, 6958, 6721, 4409, 1651, 1785, 6830 | 95, 25, 25, 45, 68, 63, 24, 59, 74, 54, 68, 77, 97, 59, 90, 59, 24, 68, 57, 94, 68, 45, 43, 45, 50, 41, 90, 91 |

Daripada Hadith-hadith tersebut seperti yang dipamerkan dalam Jadual 1, terdapat lima Hadith yang boleh dikaitkan dengan pelaku politik Islam.

Daripada ‘Abd Allah r.a., berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Barang siapa bersumpah dusta di hadapan hakim, dengan tujuan untuk memperoleh harta seorang Muslim, maka dia akan bertemu Allah SWT dalam keadaan Allah SWT murka kepadanya” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith: 6676).

Daripada Hadith di atas, Nabi Muhammad SAW telah bersabda bahawa barang siapa mendapatkan harta orang lain dengan cara yang tidak mengikut syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT maka perjumpaan dengan Allah SWT kelak hanya akan mengundang kemurkaan-Nya (al-‘Asqalaniy, 852H:703). Hal ini bermakna dalam usaha untuk mencapai keredaan Allah SWT, pelaku politik Islam harus menjaga syariat iaitu menunaikan hak sesama Muslim. Elakkan seorang pelaku politik Islam bertindak zalim kepada sesama Muslim.

Daripada ‘Abd Allah r.a, berkata, “Umar al-Khattab r.a mensedekahkan kudanya dengan tujuan untuk digunakan dalam peperangan di jalan Allah. Kemudiannya dia berhasrat untuk membeli semula kuda itu. Rasulullah SAW melarang daripada mengambil kembali sesuatu yang telah disedekahkan. Perbuatan ini diumpamakan seperti anjing yang menjilat ludahnya kembali” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith:1489).

Hadith ini menunjukkan bahawa dalam mencari keredaan Allah SWT, menjaga syariat iaitu menunaikan hak Allah juga wajib dipatuhi. Sesuatu yang telah disedekahkan di jalan Allah tidak wajar untuk diambil kembali. Hal ini lebih-lebih lagi jika sedekah yang dimaksudkan itu adalah sedekah yang berupa sedekah nazar. Menurut al-Qurtubiy, perbuatan itu jelas dilarang dalam Islam memandangkan perumpamaan berat yang diberikan oleh Rasulullah SAW iaitu air liur anjing sedangkan anjing termasuk dalam hukum najis yang berat (al-‘Asqalaniy, 852H:456). Sebagai pelaku politik Islam, untuk mencapai *mardat Allah*, seseorang pelaku disyaratkan untuk menetapkan tujuan perlakuannya hanya untuk digunakan di jalan Allah SWT (*Fi Sabili Allah*).

Daripada Umar al-Khattab r.a., beliau berkata Rasulullah SAW pernah bersabda, “Amal dihitung kerana niyyat dan setiap orang akan mendapat apa yang diniatkaninya”. Maka sesiapa yang berhijrah kepada Allah dan Rasulnya maka hijrahnya kepada Allah dan

Rasulnya dan siapa yang hijrah untuk dunia yang ingin didapatkannya atau kepada wanita yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya sekadar mendapat apa yang diniatkannya” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith:1).

Dalam mensyarahkan Hadith ini, al-'Asqalaniy (852H:17) menjelaskan kepentingan setiap amalan itu perlu dimulai dengan niat. Sesuatu amalan itu mestilah dilakukan hanya kerana Allah semata-mata. Amalan yang dilakukan kerana makhluk juga dirujuk kepada perbuatan mensyirikkan Allah. Ganjaran di akhirat adalah berdasarkan apa yang diniatkan. Oleh itu bagi pelaku politik Islam, mereka tidak dapat mencapai *mardat Allah* jika diawalnya lagi tidak menetapkan niat hanya semata-mata untuk mendapat keredaan Allah SWT dan meyakini bahawa setiap amalan akan dihitung oleh Allah SWT.

Perkara ini lebih jelas lagi apabila disabdakan oleh Rasulullah SAW seperti berikut:


Daripada 'Aisyah r.a., berkata, Rasulullah SAW bersabda, “Akan ada sepasukan tentera yang akan menyerang Ka'bah. Pasukan itu ditenggelamkan di suatu tempat yang bernama Baida'. 'Aisyah r.a. bertanya, ‘bagaimana dengan orang-orang di situ yang tidak punya maksud yang sama?.' Rasulullah SAW menjawab, “mereka akan dibangkitkan di hari kiamat sesuai dengan niyyat masing-masing” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith:1975).

Meluruskan niat menjadi syarat kepada seseorang pelaku politik Islam bagi mendapatkan *mardat Allah*. Hal ini sesuai dengan Hadith riwayat al-Bukhariy bernombor 1975 untuk menetapkan niat yang tepat iaitu *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar*. Perkara ini selari dengan syarah al-'Asqalaniy (852H:2118) untuk Hadith ini iaitu menjelaskan azab daripada Allah SWT akan menimpa kepada semua penduduk suatu tempat tanpa pengecualian. Hal ini kerana pemerintah mahu pun rakyat sewajarnya saling berdakwah dan ingat memperingati ke arah kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkar. Kemaksiatan yang tidak dicegah akan menyebabkan kerugian kepada semua pihak. Walau pun azab akan ditimpakan kepada semua penduduk suatu tempat, namun di akhirat nanti mereka akan diadili mengikut niat masing-masing.

Daripada Ibn Mas'ud r.a., berkata, Rasulullah SAW bersabda, “apabila seseorang memberi nafkah untuk keluarganya dengan niyyat mengharap pahala, maka baginya sedekah” (Riwayat al-Bukhariy, No. Hadith:53).

Niat untuk mengharap pahala adalah lebih tinggi daripada niat seseorang suami atau ayah untuk menunaikan tanggungjawab pemberian nafkahnya. Hal ini disyarahkan oleh al-'Asqalaniy (852H:55) berkaitan perihal hati yang baik ketika melakukan sesuatu kewajipan. Allah SWT akan mengganjari dengan kebaikan berdasarkan niat pelaku amalan itu sendiri. Jika nafkah itu diniatkan sebagai suatu kewajipan, sudah sememangnya ia wajib, maka terlepaslah sudah kewajipan suami terhadap isteri dan keluarganya. Namun begitu, jika pelaku pemberian itu bermaksud untuk mendapatkan ganjaran pahala daripada Allah SWT, maka amalan itu dikira sebagai sedekah.

Daripada kelima-lima Hadith yang dibincangkan, didapati niat dan tujuan pelaku politik Islam itu memainkan peranan yang penting bagi mencapai matlamat *mardat Allah*. Dapat dirumuskan terdapat lima elemen dalam mencapai matlamat *mardat Allah* berdasarkan *al-hadfi* dan *al-niyyat* iaitu elak bertindak zalim, tetapkan tujuan hanya *fi sabillillah*, niat *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar*, yakini hitungan amalan oleh Allah SWT, dan niat mengharapkan pahala. Secara lebih mudah, ia dijelaskan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Elemen-elemen *Mardat Allah*

## KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan perbincangan dalam kertas kerja ini, didapati bahawa matlamat akhir pelaku politik Islam yang sebenar adalah *mardat Allah*. Terdapat dua tema berkaitan *mardat Allah* ini iaitu *al-Hadif* dan *al-Niyyat*. Bagi *al-Hadif* terdapat 31 buah Hadith, manakala *al-Niyyat* didapati 39 buah Hadith. Daripada *al-Hadif*, terdapat dua Hadith yang jelas boleh dikaitkan dengan matlamat pelaku politik Islam. Bagi *al-Niyyat* pula terdapat tiga Hadith yang boleh dikaitkan dengan matlamat akhir pelaku politik Islam. Kelima-lima Hadith ini menemukan tiga elemen *mardat Allah* sebagai matlamat akhir pelaku politik Islam. Pertama, elak bertindak zalim; kedua, tetapkan tujuan hanya *fi sabillillah*; ketiga, niat *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-mungkar*; keempat, yakini hitungan amalan oleh Allah SWT; dan kelima, niat mengharapkan pahala.

## RUJUKAN

- Abd Rauf Hasan (2011). *Kamus: Bahasa Arab- Melayu. Bahasa Melayu-Arab*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abu Abil Hassan Ibn Musa (2004). *Muntakhab Ahadith*. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Afnan Hamimi Taib Azamuddien (2015). *Prinsip politik dakwah dalam gerakan politik Islam: Satu sorotan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan “Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam” (WAPI-8) pada 10-13 Jun 2015 di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan, Indonesia.

- Ahmad Warson Munawwar (1984). *Al Munawwar Kamus Arab-Indonesia*. Surabaya: Penerbit Pustaka Progressif.
- Audit Ghazali (1990). *Development: An Islamic perspective*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Arbak Othman (2005). *Kamus komprehensif bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2013). *Fleksibiliti uslub dakwah*. Diakses daripada <http://kronikapemuda.blogspot.com/2013/08/syarah-an-prof-dr-asyraf-wajdi-di-uiam.html> pada 20 Mei 2015.
- Badruddin Abi Muhammad Mahmud Ibn Ahmad al-'Ainiy (855H). *'Umdat al-Qariy syarh Sahih al-Bukhariy*. Beirut: Dar Kutb al-'Ilmiyyah.
- Esposito, J. L. (1990). *Islam dan politik*. (Terj.) Joesoef Sou'yib. Jakarta: Bulan Bintang.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA) (1999). *Tafsir al-Azhar*. Jil. 4. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ptd.
- Ikramullah Jan (1996). *Zadu al-Da'ie*. Lahore: Maktabah Sa'idiyah.
- Jamaluddin Yusuf al-Miziy (654). *Tahzib al-Kamal Fi Asma' al-Rijal*. Lubnan: Risalah Publisers.
- Kamarul Ariffin Ithnan (2015). *Matlamat akhir pembangunan berteraskan Islam: Analisis pandangan tokoh-tokoh*. Kertas kerja yang dibentangkan di Workshop Antarabangsa Pembangunan Berteraskan Islam (WAPI-8), anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Medan, Indonesia pada 10 Jun hingga 14 Jun 2015, di UMSU, Medan, Indonesia.
- Khurshid Ahmad, Prof. (1994). *Islamic approach to development-Some policy implications, Islamabad*. Pakistan: Institute of Policy Studies.
- Lidwa ensiklopedia sembilan kitab Hadith*. Diakses daripada <http://lidwa.com/app/> pada 19 Ogos 2016.
- M. Din Syamsuddin (2000). "Antara yang berkuasa dan yang dikuasai, refleksi atas pemikiran dan praktek politik Islam", *Jurnal Al-Jami'ah*, Vol. 39, No.1, Januari–Juni.
- M. Umer Chapra (1995). *Islam and the economic challenge (Islamic economics series, No. 17)*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- M. Umer Chapra (1996). *Islam dan pembangunan ekonomi (Islam and economic development)*. Terjemahan Adi Setia Mohd Dom. Selangor: The International Institute of Islamic Thought (ISTAC). Selangor: Malaysia and Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd Shukri Hanapi (2012). "Tasawur pembangunan dalam al-Qur'an: Kajian tafsir al-Mawdu'iy", Tesis yang diserahkan kepada Pusat kajian pengurusan pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia bagi memenuhi ijazah Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2013). *Ekonomi politik Islam: Teori dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014). *Tahaluf siyasi dalam ekonomi politik Islam: Satu kajian teoretis*. Tesis yang diserahkan kepada Pusat kajian pengurusan pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia bagi memenuhi ijazah Doktor Falsafah Sains Kemasyarakatan penghususan dalam bidang Ekonomi Politik Islam.
- Mohd. Kamal Hassan, (1990). "Pembangunan yang berteraskan Islam", dlm. Muhammad Syukri Salleh (Peny.). *Konsep dan pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Shukri Hanapi (2013). *Tasawur Islam dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Azhar (1996). *Filsafat politik, perbandingan antara Islam dan Barat*. Jakarta: PT Raja Grofindo Persada.
- Muhammad Idris al-Marbawiy (1955). *Mukhtasar al-Tirmidhiy wa syarhihi bi Lughati al-Jawi al-Malayu al-Musamma Bahr al-Madhi*. Mesir: Dar al-Fikr.
- Muhammad Syukri Salleh (2000). *Pembangunan zaman Rasulullah SAW: Antara kemiskinan dan kekayaan*. Pulau Pinang: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), USM.
- Muhammad Syukri Salleh (2002). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *Tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam*: Pulau Pinang: Pusat pengajian pengurusan pembangunan Islam, USM.
- Muhammad Syukri Salleh (2009). “*The philosophical foundations of Islamic development: Khurshid Ahmad’s conception revisited*” dlm. *proceedings Langkawi Islamic finance*.
- Muhammad Yusuf al-Kandahlawi dan Muhammad Ilyas al-Kandahlawi (1944). *Hayatu al-Sahabat*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Munawir Sjadzali (1993). *Islam dan tata negara, ajaran sejarah dan pemikiran*. Jakarta: UI Press.
- Nik Mustapha Nik Hassan (2014). *Pandangan alam Islam dalam peradaban ekonomi*. Selangor: IKIM.
- Noresah Baharom (2007). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Awang (1989). *Ruh tauhid dalam gerakan Islam*. Petaling Jaya: Al- Rahmaniah.
- Ramli Awang (1997). *Tasawwur rabbani menurut al-Qu’ran dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Rosmawati Ali (2005). *Pengantar ulum Hadith*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1980). *Tafsir pimpinan al-Rahman dan ejaan kata-kata istilah agama*. Kuala Lumpur: Perchetakan Mas Sdn. Bhd.
- Todaro, Michael P. (1977). *Economic development in the third world*. London: Longman Group Limited.
- Warjio, Ph. D (2016). *Politik pembangunan. paradoks, teori, actor dan ideology*. Jakarta: KENCANA, no. 23, Rawamangun.
- Yusuf al-Qaradawiy (1996). *Memahami keutamaan berasakan al-Qur'an dan Sunnah*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.